

Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari JIMK
Journal of Islam and Contemporary Society

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[THE IMPLEMENTATION ON FAITH IN MALAYSIA EDUCATION POLICY:
ANALYSIS OF THE PHILOSOPHY OF NATIONAL AND ISLAMIC
EDUCATION HADHARI]**

**PENERAPAN AKIDAH DALAM DASAR PENDIDIKAN MALAYSIA: ANALISIS
TERHADAP FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA DAN ISLAM HADHARI**

MOHD SHAFIEE HAMZAH^{1*}
AZLI FAIRUZ LAKI¹
RAHIMAH EMBONG¹
NIK MURSHIDAH NIK DIN¹

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

*Corresponding author: mshafiee@unisza.edu.my

Received Date: 9 Januari 2015 • Accepted Date: 9 Januari 2015

Abstract

This paper aims to see the extent to which the application of the elements of faith in the Philosophy of National Education in Malaysia. In fact, faith is the most basic thing in building excellent human capital. This has been proven when the revelation of the Qur'an which is rabbani (divine) has emphasized the approach from the aspect of faith as the most important basis in the construction of the Islamic community at an early stage. From this approach, the ignorant Arab society has been successfully transformed into an Ummah that sketches a very superior human civilization history. In the Malaysian context, Islam has been declared the official religion of the country. Thus, it is assumed that the element of Islamic faith has been applied into all national policies in every aspect including education. This study uses an inductive approach, national education policies are analyzed critically and a conclusion is made based on the analysis. This study found that the application of the element of faith is the core to the formation of education policies in Malaysia, especially in the National Education Philosophy which is the backbone of the education system in Malaysia and also the formation of government policies such as the Islamic Hadhari Policy.

Keywords: *faith, most basic education, philosophy national education, education Islamic, Islamic Hadhari.*

Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah penerapan unsur akidah dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan di Malaysia. Hakikatnya, akidah merupakan perkara yang paling dasar dalam pembinaan modal insan yang cemerlang. Perkara ini telah terbukti apabila penurunan al-Quran yang bersifat rabbani (ketuhanan) telah menekankan pendekatan dari aspek akidah sebagai dasar

yang terpenting dalam pembinaan komuniti Islam pada peringkat permulaan. Dari pendekatan tersebut, masyarakat Arab jahiliah telah berjaya ditransformasikan kepada satu Ummah yang melakar sejarah ketamadunan manusia yang sangat unggul. Dalam konteks Malaysia, agama Islam telah diisytiharkan sebagai agama rasmi negara. Justeru, diandaikan bahawa unsur akidah Islam telah diterapkan ke dalam semua dasar negara dalam setiap aspek termasuk pendidikan. Kajian ini menggunakan pendekatan induktif, dasar-dasar pendidikan negara dianalisis secara kritikal dan satu kesimpulan dibuat berdasarkan analisis tersebut. Kajian ini mendapati bahawa penerapan unsur akidah menjadi teras kepada pembentukan dasar-dasar pendidikan di Malaysia terutamanya dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menjadi tunjang kepada sistem pendidikan di Malaysia dan juga pembentukan dasar-dasar kerajaan seperti Dasar Islam Hadhari.

Kata kunci: Akidah, Dasar Pendidikan Negara, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Pendidikan Islam, Islam Hadhari.

Cite as: Mohd Shafiee Hamzah, Azli Fairuz Laki, Rahimah Embong & Nik Murshidah Nik Din. 2015. Penerapan akidah dalam dasar pendidikan Malaysia: Analisis terhadap falsafah pendidikan Negara dan Islam Hadhari. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 9(1):1-9.

PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara sedang membangun yang memberi penekanan yang tinggi pada isu perekayasaan modal insan dengan memperkenalkan pelbagai dasar untuk meningkatkan kualiti modal insan. Kesungguhan kerajaan terserlah apabila telah memberi tumpuan yang khusus kepada pembangunan modal insan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 supaya pelajar atau murid dapat dibangunkan sejajar dengan kehendak dan keperluan ekonomi negara serta merapatkan jurang pencapaian antara murid di bandar dengan luar bandar (Berita Harian; 26 September 2013). Sementara itu, dalam Belanjawan 2014 yang diumumkan di parliment, kerajaan telah memberi peruntukan yang besar dalam pembangunan modal insan iaitu sebanyak RM54.6 bilion bagi kecemerlangan pendidikan. Jumlah ini merupakan 21 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan bagi tahun 2014 (Bernama; 26 Oktober 2013). Hal ini menggambarkan keprihatinan dan kesungguhan kerajaan dalam membuat pelaburan yang tinggi supaya dapat menyediakan latihan, pendidikan dan kemahiran yang bersesuaian dengan usaha pembangunan modal insan. Ini membuktikan bahawa tahap kesedaran pihak kerajaan sangat tinggi terhadap kepentingan sistem pendidikan sebagai teras dalam melahirkan modal insan yang cemerlang di Malaysia.

AKIDAH SEBAGAI DASAR PEREKAYASAAN GENERASI AWAL ISLAM

Dalam Islam, perekayasaan modal insan berkualiti bermula dengan memurnikan fitrah insan agar seseorang itu kembali kepada akidah Islamiyyah iaitu Tauhid berasaskan keimanan sepenuhnya terhadap keesaan Allah (Tauhidullah) dan seterusnya Tauhid ini dihunjam kuat dalam diri modal insan. Kisah kekentalan Bilal bin Rabah ketika diseksa di tengah terik mentari merupakan contoh yang terbaik bagi membuktikan kekuatan tauhid yang tertanam dalam jiwa beliau. Sebagaimana yang termaktub dalam kitab suci al-Quran, Islam tidak hanya

mengemukakan kepentingan unsur akidah bagi perekayaan modal insan dari sudut teori semata-mata, bahkan Islam telah merealisasikan teori tersebut dengan mempersempitnya kepada dunia sebuah komuniti sebagai sebuah model yang unggul. Komuniti yang dimaksudkan ialah generasi awal Islam yang sentiasa dididik dan dibentuk dari masa ke semasa dengan bimbingan yang teratur dan sistematik melalui pendekatan Al-Quran. Sayyid Qutb (1972) berkata: Sesungguhnya pendekatan al-Quran tidak hanya mempersempitnya tauhid dalam bentuk teori semata-mata. Jika ia menggunakan pendekatan teori semata-mata, ia merupakan ilmu yang tidak akan meninggalkan kesan sedikit pun pada hati dan kehidupan manusia. Ia juga menjadi ilmu yang bersifat kaku, yang tidak mampu melindungi pemiliknya daripada ketamakan nafsu, tidak juga berupaya menghilangkan beban syahwat serta tidak dapat mencegah pemiliknya daripada pengaruh syaitan. Bahkan, ia akan mendorong pemiliknya untuk mengikuti nafsu tersebut dan menjadi hambanya... tetapi al-Quran mempersempitnya agama ini penuh dengan daya motivasi, memancarkan cahaya, menghidupkan, menginsafkan, mengangkat dan meninggikan (Sayyid Qutb, j.3, h 1399).

Jelas sekali, komentar Sayyid Qutb di atas menunjukkan bahawa pendekatan al-Quran bukan hanya sekadar bersifat tekstual bahkan ia juga bersifat kontekstual. Penanaman benih tauhid bukan sekadar termaktub pada teks al-Quran, tetapi ia telah ditanam dalam kehidupan realiti komuniti awal Islam. Justeru, keimanan kepada Allah merupakan paksi utama dalam pencapaian kecemerlangan komuniti awal Islam ini. Perkara ini termaktub dalam al-Quran yang mendedahkan tentang ramuan yang terbaik untuk membentuk komuniti awal Islam ini yang disebut sebagai umat terbaik (*khayral-Ummah*). Firman Allah Ta“ala yang bermaksud: Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi umat manusia, kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaularah ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakannya orang-orang yang fasik. (Surah Ali Imran 3: 110)

Konteks ayat di atas ditujukan secara langsung dan khusus kepada golongan awal Islam dan kepada umat Islam secara amnya dengan istilah *khayr ummah* yang bermaksud sebaik-baik umat. Imam Ibn Kathir (2000) memberi tafsiran bahawa ayat tersebut ditujukan kepada umat Muhammad kerana ia merupakan umat yang terbaik bagi faedah umat manusia. Bagi Sayyid Qutb pula, gelaran *khayr ummah* ini merupakan satu anugerah yang sangat besar dan mulia bagi umat Islam tetapi ia tidak datang dengan begitu sahaja. Ia hanya dicapai apabila beberapa syarat tertentu dipenuhi iaitu penyebaran perkara baik, pencegahan perkara mungkar dan keimanan kepada Allah. Ketika membincangkan isu ini, Sayyid Qutb berkata: Sudah semestinya semua ini disertai dengan keimanan kepada Allah sebagai neraca yang benar untuk menentukan nilai-nilai dan menentukan perkara yang makruf dan mungkar. Sesungguhnya apa yang dipersetujui oleh masyarakat sahaja tidak mencukupi kerana telah menyeluruh kerosakan sehingga menggoyang dan merosakkan timbangan. Maka semestinya kembali kepada neraca yang tetap (*thabit*) bagi menentukan kebaikan dan keburukan, kemuliaan dan kehinaan dan kemakrufan dan kemungkar... (Sayyid Qutb, j.1, h.447)

Jelas sekali, komentar Sayyid Qutb tersebut menunjukkan walaupun prinsip beriman Allah diletakkan selepas prinsip menyuruh perkara makruf dan melarang perkara mungkar, namun ia di anggap prinsip yang pertama dari sudut maknawi kerana penetapan makruf dan

mungkar itu bergantung kepada prinsip tauhid sepenuhnya. Secara asasnya, sekiranya umat tersebut memenuhi prinsip yang dikehendaki, maka tidak ada satu pihak pun yang mampu menafikan status mereka sebagai umat terbaik. Ini kerana prinsip-prinsip tersebut, jika dipenuhi ia akan menjadikan umat tersebut sebuah umat yang cemerlang. Maka jelaslah bahawa pembentukan Khayr Ummah ini bukanlah terjadi secara kebetulan. Bahkan, ia perlu berlandaskan kepada ciri-ciri yang ditetapkan oleh Allah iaitu keupayaan menghadapi kejahanan, menganjurkan kebaikan dalam usaha menjaga masyarakat daripada unsur-unsur merosakkan dan keimanan kepada Allah. Sayyid Qutb menegaskan: Al-Quran juga menjadikan agama sebagai satu manhaj untuk direnungkan. Ia merupakan manhaj yang berbeza dengan manhaj-manhaj ciptaan manusia. Ia kerana agama Islam ini datang untuk menyelamatkan manusia daripada kesempitan, kesalahan dan penyelewengan manhaj-manhaj yang dibuat berdasarkan permainan hawa nafsu dan tipu daya syaitan. (Sayyid Qutb, j.3, h.1399)

Penyataan Sayyid Qutb di atas menegaskan bahawa peranan Islam ialah menyelamatkan umat manusia dari penyelewengan pemikiran yang dibuat berdasarkan kehendak hawa nafsu dan tipu daya syaitan. Kekuatan pendidikan begitu ketara sehingga wahu pertama yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. pun berkisar tentang pendidikan. Lebih menarik lagi pendidikan tersebut dimulai dengan dasar akidah iaitu pembacaan dengan nama Tuhan. Justeru, akidah perlu di rekayasa dalam diri modal insan melalui saluran pendidikan. Pegangan ini merupakan haluan yang lurus dalam membentuk modal insan yang mempunyai pola pemikiran yang jelas dan mantap.

UNSUR AKIDAH DALAM FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA

Falsafah Pendidikan Negara (FPN) mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1987. Pada dasarnya, penggubalan FPN memperlihatkan hasrat Malaysia yang kuat dalam merekayasa modal insan dengan melangkah setapak ke depan dalam era pendidikan. Ini kerana Malaysia telah memperkenalkan falsafah pendidikan yang tersendiri dan seterusnya menyatakan dengan jelas matlamat dan hala tuju sistem pendidikan negara. Oleh itu, penggubalan FPN ini telah membuktikan bahawa Malaysia mempunyai acuannya tersendiri dalam merekayasa modal insan cemerlang dan tidak mengikut acuan yang diguna pakai oleh negara-negara lain. Falsafah Pendidikan Negara seperti mana yang tertulis dalam dokumen rasmi kerajaan adalah seperti berikut: Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998, h.6)

Falsafah ini memberi implikasi kepada sistem pendidikan negara melalui pendekatan bersepada yang menekankan pengembangan potensi insan secara menyeluruh, seimbang dan bersepada. Pendekatan ini mampu mendidik bukan sahaja akal, tetapi juga hati sehingga modal insan tersebut mengiktiraf kewujudan Pencipta, menundukkan sifat-sifat ego dan membolehkan mereka membangunkan sifat kehambaan hanya kepada Pencipta (Nur Hafizoh & Rohana,

2013). Apabila falsafah tersebut dicerakinkan dengan teliti, jelas terlihat elemen atau unsur akidah yang dijadikan dasar kepada falsafah tersebut. Frasa “berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan” dalam teks FPN menunjukkan dengan jelas pengaruh akidah sebagai teras dan dasar bagi segala aktiviti pendidikan di Malaysia. Tajul Arifin (2005) ketika menganalisis frasa yang menjadi tunjang kepada Falsafah Pendidikan Negara ini menyatakan bahawa frasa ini bertujuan untuk menanamkan keyakinan bahawa manusia dan segala bahan dan sumber alam tidak terjadi dengan sendirinya tetapi di sebalik semua itu ada Tuhan yang menciptakan segala sesuatu. Keyakinan yang ditanam kukuh ini berupaya menghasilkan kepatuhan kepada Pencipta dalam setiap perbuatan dan aktiviti manusia di bumi ini. Jelas beliau: Kepercayaan ialah keyakinan bahawa manusia dan alam sekitar tidak terjadi secara sendiri tetapi ada Penciptanya. Hukum-hukum alam adalah hukum-hukum Tuhan. Oleh itu, manusia harus patuh kepada Tuhan dan memikul amanah dan tanggungjawab kepadaNya dalam usaha mentadbir dan memakmurkan alam bagi mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Kedua-dua konsep ini dapat diguna untuk memurnikan kaedah dan pemikiran saintifik Barat yang dimulai dengan keraguan. Sedikit demi sedikit pelajar diorientasikan supaya meragui agama, ilmu wahyu dan ketuhanan. Justeru, berdasarkan pendidikan sepadu, pendidikan perlu dimulai dengan keyakinan kepada ilmu wahyu dan bermatlamatkan pemantapan kepercayaan kepada Tuhan. (Tajul Arifin , 2005, h.8)

Sebagai tunjang kepada falsafah tersebut, sudah tentu akidah menjadi elemen yang perlu diterapkan dalam semua aktiviti pembelajaran di sekolah-sekolah di Malaysia. Justeru, roh akidah yang diterapkan merentasi kurikulum pembelajaran di Malaysia, dan dalam masa yang sama ia berperanan menjadi kompas yang menunjuk kepada arah pola fikir (tasawur) dalam kalangan modal insan di Malaysia. Nik Aziz Nik Pa (2008) membahaskan bahawa tujuan FPN ini adalah untuk melahirkan modal insan yang mempunyai tasawur yang berkiblatkan Tuhan berdasarkan kata-kata beliau: Dari sudut proses pendidikan pula, Falsafah Pendidikan Kebangsaan menegaskan bahawa pendidikan di negara kita merupakan satu usaha berterusan yang berpusat pada Tuhan dan bukan berpusat pada manusia. Proses perkembangan potensi insan bukan tertumpu kepada aspek jasmani dan intelektual semata-mata. Sebaliknya proses tersebut membabitkan aspek rohani, intelektual, emosi, sosial dan fizikal, dalam bentuk menyeluruh dan bersepadu. Seterusnya, proses perkembangan insan perlu direalisasikan berdasarkan kepada paksi kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan, dan bukan berpaksikan kepada faham materialis, sekularis dan evolusi. Dengan perkataan lain, Falsafah Pendidikan Kebangsaan menganjurkan proses atau konsep pendidikan bersepadu sejagat dan sepanjang hayat yang membentuk pertalian nyata antara bidang kerohanian, kognitif, afektif, sosial dan psikomotor, dalam usaha meningkatkan lagi potensi insan secara komprehensif. (Nik Aziz Nik Pa, 2008, h.27)

Pemikiran yang bermatlamatkan Tuhan ini bukanlah suatu perkara yang janggal kerana pemikiran dalam bentuk tersebut amat selari dengan tujuan penurunan al-Quran iaitu menjadikan agama yang berpaksikan akidah tauhid ini sebagai manhaj kehidupan manusia. Justeru, garapan Falsafah Pendidikan Negara dilihat begitu unik kerana unsur akidah berdasarkan ketuhanan yang menjadi dasar atau tunjang. Tajul Arifin (2002) berpendapat hal ini amat bertentangan dengan kebanyakan aliran pemikiran barat seperti pemikiran Marx (sosial dan ekonomi), Sartre (eksistensialisme— kewujudan dan kebebasan), Skinner (tingkah laku) yang jelas sekali menolak Tuhan dengan mengatakan fitrah insan ditentukan oleh individu itu

sendiri menerusi pengalaman dan juga interaksi dalam faktor luaran. Seterusnya, Tajul Arifin (2002) melihat penggubalan FPN mempunyai hala tuju yang amat konsisten dengan menjadikan kepercayaan kepada Tuhan sebagai dasar dalam merekayasa potensi modal insan.

USAHA KERAJAAN DALAM PENERAPAN UNSUR AKIDAH DALAM PENDIDIKAN DI MALAYSIA

Memang tidak dapat dinafikan bahawa, isu akidah menjadi agenda penting kerajaan Malaysia dan sudah menjadi hasrat kerajaan agar setiap diri modal insan di negara ini dilengkapi dengan prinsip keimanan dan ketuhanan. Demi merealisasikan hasrat tersebut, menurut mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato” Dr. Abdullah bin Md. Zin (2006), pihak kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa langkah proaktif dalam bidang pendidikan. Langkah-langkah tersebut telah dibahagikan kepada dua iaitu pelaksanaan Program Jawi, al-Quran, Arab dan Fardu Ain (j-QAF) dan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA). Program j-QAF diadakan bertujuan untuk memperkasakan pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan. Program ini akan memantapkan penguasaan jawi, amalan Fardu Ain, Khatam al-Quran sebelum ke Sekolah Menengah dan mengetahui asas Bahasa Arab. Manakala program Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) bertujuan untuk “melahirkan manusia yang terdidik dengan didikan Al-Quran dan As-Sunnah yang kuat iman dan amalannya kepada Allah serta menghayati akhlak dan cara hidup Islam” (JAKIM, 2006). Program ini telah mula dilaksanakan di seluruh negara sejak tahun 1990. Kenaikan elaun Penyelia KAFA dari RM 500 kepada RM 750 sebulan dan elaun Guru KAFA dari RM 288 kepada RM 500 sebulan menggambarkan penghargaan kerajaan terhadap sumbangan tenaga pengajar yang mendidik bagi membangun modal insan.

Hasrat kerajaan untuk menerapkan unsur akidah dalam bidang pendidikan direalisasikan dengan usaha memartabatkan pendidikan Islam ke puncak menara gading. Ini terbukti dengan penubuhan Jabatan Pengajian Islam di Fakulti Sastera Universiti Malaya pada tahun 1959 yang terhasil daripada hubungan telus dengan Kolej Islam Malaya (KIM) yang begitu komited dalam memperjuangkan pendidikan Islam. Penubuhan jabatan tersebut mencetuskan dimensi baru dalam sejarah pendidikan negara iaitu pengajian Islam tidak hanya diajar di peringkat sekolah atau kolej, bahkan turut diajar di peringkat universiti. (Abdullah Mat Zin, 2005) Selepas itu, perkembangan pengajian Islam di Institut Pengajian Tinggi menjadi semakin rancak apabila KIM diserapkan menjadi sebuah fakulti dengan terbinanya Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1970, penubuhan Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) pada tahun 1980, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 1983, Kolej Teknologi Islam Melaka pada tahun 1994, Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) pada tahun 1996. Kemudian pada tahun 2000 telah ditubuhkan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan pada tahun 2006 telah ditubuhkan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam di Universiti Darul Iman Malaysia (sekarang dikenali sebagai Universiti Sultan Zainal Abidin) bagi menggabungjalinkan ilmu pengajian Islam dengan ilmu sains. Jelasnya, penubuhan fakulti-fakulti berteraskan pendidikan Islam di psat-pusat pengajian tinggi dan penubuhan kolej-kolej agama negeri menunjukkan usaha kerajaan dalam menerapkan asas akidah dalam modal insan di peringkat pengajian tinggi.

ASAS AKIDAH DALAM DASAR ISLAM HADHARI

Selain daripada FPN, Islam Hadhari juga dilihat menjadikan mekanisme tauhid sebagai tunjang utama kepada keseluruhan prinsip-prinsip yang diperkenalkannya. Islam Hadhari diperkenalkan oleh mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi dalam ucapan beliau pada perhimpunan agung UMNO ke-55 di Pusat Perdagangan Dunia Putera Kuala Lumpur pada 23 September 2004 juga (Muhs Syukri Salleh, 2006). Kemunculan konsep Islam Hadhari ini didorong oleh kehendak kerajaan yang mahukan umat Islam di Malaysia menjadi pelopor tamadun baru yang dapat memimpin masyarakat ke arah perubahan yang progresif dan bersifat holistik (JAKIM, 2005). Justeru, bagi merealisasikan tujuan tersebut, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan satu pendekatan baru untuk membangunkan umat Islam kontemporari memandangkan umat Islam kontemporari masih lagi belum berupaya untuk mengembalikan kegemilangan tamadun Islam yang telah mengalami keruntuhan pada abad yang ke 12, malah sering kali umat Islam dikaitkan dengan kelemahan dan kemunduran (Mohd Yusof Hassan, 2007). JAKIM (2005) menjelaskan hal berikut dengan katanya: Islam Hadhari ini diperkenalkan dengan takrifan sebagai suatu pendekatan pembangunan manusia, masyarakat dan negara Malaysia yang bersifat menyeluruh, berdasarkan kepada perspektif tamadun Islam. (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h.17) Malah, takrifan Islam Hadhari ini telah diperjelas lagi oleh visi, dan misi serta objektif pelaksanaannya. Visi Islam Hadhari adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh, iaitu sebuah negara maju mengikut acuan sendiri. (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h.19)

Misi Islam Hadhari adalah melaksanakan agenda pembangunan negara dan ummah berlandaskan pendekatan Islam yang universal, maju, bertamadun, bertoleransi dan berimbang. (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h.20)

Objektif Islam Hadhari adalah bagi melahirkan individu dan masyarakat Islam yang mempunyai kekuatan spiritual (rohani), akhlak, intelektual, material, mampu berdikari, berdaya saing, melihat ke hadapan, inovatif serta cekap menangani cabaran-cabaran semasa secara bijaksana, rasional, praktikal dan damai. (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h.19) Visi, misi dan objektif Islam Hadhari yang diwartakan jelas menunjukkan pendekatan Islam Hadhari yang memberi penekanan kepada agama dan tamadun. Menurut Prof. Dr Wan Mohd Noor Wan Daud (2007), jika dilihat dari prinsip-prinsip yang diperkenalkan dalam Islam Hadhari, ia merupakan satu ramuan untuk menghasilkan masyarakat Islam yang mempunyai tamadun yang cemerlang. Beliau berkata: Pendekatan Islam Hadhari ialah pendekatan Islam yang komprehensif yang memberikan penekanan kepada pembangunan ekonomi dan tamadun yang menyeluruh dan berupaya menjadi penggerak dan pendorong kepada peningkatan daya saing bangsa Melayu. Warisan dan tamadun Islam yang memperlihat kejayaan cemerlang umat Islam dalam semua bidang perlu dijadikan rujukan dan sumber inspirasi untuk memajukan bangsa Melayu. (Wan Mohd Nor Wan Daud, 2007, h.12)

Justeru, Islam Hadhari merupakan satu pendekatan Islam yang begitu komprehensif dengan penekanan tertumpu kepada ekonomi dan perkembangan tamadun. Malah, Islam Hadhari juga mempunyai hubungan yang erat dengan pembentukan modal insan yang cemerlang kerana ia mampu melahirkan modal insan yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa dengan identiti berakar nasional dan berakal internasional (Najib Tun Razak, 2009).

Seperti FPN yang menjadikan akidah sebagai tunjang kepada falsafahnya, Islam Hadhari juga menjadikan „Keimanan Dan Ketakwaan Kepada Allah“ sebagai tunjang kepada semua prinsipnya. Prof. Dr. Abdul Syukor Husin (2006) menyatakan prinsip ini digarap sebagai tunjang kepada semua prinsip memandangkan kekuatan prinsip ini merupakan sumber cahaya yang menyinari ke semua prinsip Islam Hadhari yang lainnya. Justeru, prinsip ini dianggap sebagai asas dan syarat mutlak bagi sesbuah ummah untuk mencapai kecemerlangan dunia dan akhirat. Di samping itu, beliau menambah prinsip pertama Islam Hadhari ini merupakan inti pati dari firman Allah dalam Surah al-A'raf yang menghubung kait antara keimanan dan ketakwaan sebagai dua serangkai dalam membentuk negara yang diberkati Allah Taala. Firman Allah maksudnya: Dan sekiranya penduduk negeri itu beriman serta bertakwa, tentulah kami akan membuka kepada mereka pintu yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan, lalu kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.

Perkara ini turut dipersetujui oleh Prof. Zakaria Stapa (2008) yang melihat prinsip yang pertama ini merupakan satu prinsip Islam Hadhari yang amat penting dan kritikal. Justeru, melihat kepada kepentingan prinsip tersebut, maka ia perlu dibangunkan dengan sempurna dalam kerangka pembangunan modal insan Islam Hadhari. Jelas beliau: Dalam keseluruhan kerangka pembangunan modal insan yang terungkap dalam agenda Islam Hadhari ini, kita melihat dua dimensi yang amat kritikal adalah tertumpu kepada aspek peneguhan iman atau akidah dan aspek penguasaan ilmu. Hal ini dilihat sedemikian, khususnya dalam masyarakat Muslim di Malaysia yang menjadi tapak semaihan bagi melahirkan contoh dan rujukan kepada umat Islam sejagat. Berdasarkan pemerhatian kita sebagai salah seorang ahli masyarakat, kita dapat memahami betapa persoalan akidah atau keimanan secara umumnya demikian rapuh dalam penghayatan ummah sehingga terlambak kelakuan-kelakuan jenayah keagamaan yang muncul saban hari di pelbagai peringkat kehidupan... Di samping itu, kita berpendapat bahawa dua dimensi utama ini merupakan kekunci penting untuk aspek-aspek lain, misalnya dalam keseluruhan prinsip-prinsip Islam Hadhari, akan boleh turut dikuasai. Aspek akidah atau keimanan pastinya menjadi asas yang akan menjadi penjana yang dinamik kepada aspek-aspek lain. Malahan seandainya akidah milik seseorang tidak berupaya memainkan peranan sebagai penjana yang dinamik, tentulah ada sesuatu yang tidak betul dalam kandungan akidah atau keimanan tersebut, dan ia perlu diperbaiki seberapa segera. (Zakaria Stapa, 2008)

Dari sudut pelaksanaan, Kerajaan Malaysia dilihat telah mengambil beberapa langkah segera untuk menggerakkan prinsip pertama Islam Hadhari ini ke dalam masyarakat.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbahasan di atas, dapat disimpulkan bahawa terdapat usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan Malaysia dalam menerapkan asas akidah dalam dasar-dasar kerajaan. Perkara ini terbukti apabila unsur akidah menjadi teras kepada FPN dalam usaha untuk merealisasikan perekayasaan modal insan berkualiti menurut Islam.

Penerapan unsur akidah ini diharap dapat memperkuatkan jiwa modal insan Islam dengan menjadikan modal insan tersebut benar-benar mempunyai satu asas yang kukuh seperti komuniti awal Islam yang begitu kukuh apabila Rasulullah menerapkan unsur akidah sebagai tunjang kepada kekuatan serta kecemerlangan komuniti tersebut. Pendidikan dilihat sebagai

mekanisme utama dan paling berkesan untuk membentuk kewibawaan modal insan yang berkualiti dan cemerlang di Malaysia khususnya dan seluruh dunia amnya.

RUJUKAN

- Abdul Syukor Hussin. (2006). Prinsip Pertama: Keimanan Dan Ketakwaan Kepada Allah. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdullah Muhammad Zinet. al (2005), Pendidikan Islam di Malaysia: Dari Pondok ke Universiti, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka
- Ahmad Shukri Yazid. (2005). Memperkasakan Ummah Melalui Pendidikan Sepadu: Pengalaman KUSZA. Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Pendidikan 25 Tahun KUSZA, 19-20 November.
- Ishak Yussof et. Al. (2008). Pembangunan Modal Insan Di Malaysia: Perspektif Ekonomi dalam Pembangunan Modal Insan: Isu Dan Cabaran, Selangor: Penerbit UKM.
- JAKIM. (2006). Garis Panduan KAFA. Putrajaya: JAKIM.
- Mohd Yusof Hassan. (2007). Islam Hadhari: Menangani Gelombang Globalisasi, Tanjung Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Muhd Syukri Salleh. (2006). Islam Hadhari Di Malaysia: Versi Dan Elemen Pembangunan Berteraskan Islam dalam Sivamurugan Pandian, Abdullah Ahmad Badawi: *Satu Tahun Di Putrajaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Najib Tun Razak. (2009). Menakhodai Zaman. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Nik Aziz Nik Pa et. al. (2008). Perjuangan Memperkasakan Pendidikan Di Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publication Distributor Sdn. Bhd.
- Nur Hafizoh Idris& Rohana Hamzah. (2013). Nilai Profesionalisme Bakal Guru Berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia (SGM). Jurnal Teknologi, 60, 31-37.
- Sayyid Qutb. (1972). *Tafsir FiZilal al-Quran*, Kaherah: Dar al-Syuruq
- Tajul Arifin. (2005). Pendidikan Bersepadu Dalam Falsafah Pendidikan Negara. Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Pendidikan 25 Tahun KUSZA, Kolej Agama Sultan Zainal Abidin, 19-20 November.
- Tajul Arifin et.al (2002). Pendidikan Dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu, Selangor: As-Syabab Media, Selangor
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2007). Masyarakat Islam Hadhari: Satu Tinjauan Epistemologi Dan Kependidikan Ke Arah Penyatuan Pemikiran Bangsa, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakaria Stapa (2008). Peneguhan Iman dan Penguasaan Ilmu: Dimensi Kritikal Islam Hadhari. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Wacana Siri 3, Bilik Majlis, UKM.